



**PRESS RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**Buffalo and cattle meat vendors in wet market  
warned to follow Seasonal Maximum Price (SMP) Directive  
and display prices clearly**

---

Date: 01 June 2021

1. Eleven buffalo and cattle meat vendors in the Gadong wet market were issued warning letters for selling buffalo and cattle meat above the capped prices set by the Seasonal Maximum Price (SMP) Directive.
2. During the inspection conducted on 11 May 2021 by the Department of Competition and Consumer Affairs (DCCA), Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) vendors were also found to have posted their price displays in a manner that did not comply to the Price Display Order. Warning notices were issued to violating vendors and subsequent offences will be met with a compound of up to \$500.
3. Prices were found to range from \$15.00 to \$17.00 per kilo, which exceed the capped price of \$13.00 per kilo set under the SMP Directive. In an attempt to circumvent the Directive, vendors were found offering inferior cuts of meat at \$13.00 per kilo. Price labels were also found to be incomplete, hung up above eye level in small prints. Warning letters were issued for not complying to the SMP Directive.
4. In a previous visit to the same wet market, vendors were found not displaying labels or displaying price boards which did not correspond to prices quoted to consumers, stating 'pre-covid prices' as excuses to justify the price change. As it was their first offence, vendors were issued a warning notice and advised to ensure proper labelling, stating the type and part of meat sold, with the actual price for the day, in order to remain ethical and to safeguard consumer interests.
5. Reasons cited by vendors for failing to display their prices included rapidly changing costs, to avoid the ire of customers for having to charge higher prices and to avoid anger from other vendors for charging more competitive prices. These reasons are unacceptable as consumers have the right to basic information for conveniently and quickly comparing items and prices before making a purchase.
6. The public is encouraged to make use of features related to prices of essential goods in the PenggunaBijak app and the DCCA official website, as a reference on prices being offered in the market. Prices of essential goods currently monitored by JPES are updated weekly, whereas the 'Price Comparison' feature provides price information on selected household items, voluntarily submitted by retail stores.

7. The DCCA would like to remind vendors on the importance of displaying prices to enhance price transparency, in allowing consumers to make informed purchase decisions. This is mandated by the Price Display Order which carries a maximum penalty of \$20,000 and 5 years imprisonment.
8. The public may reach the DCCA related to issues or concerns on prices set under the SMP Directive through Talian Darussalam 123, the PenggunaBijak mobile app or via email to [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn) / [consumercomplaint@jpes.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpes.gov.bn).

\*\*\*\*\*

Department of Competition and Consumer Affairs  
Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Peniaga-peniaga daging kerbau dan lembu di pasar segar  
diberi amaran untuk mematuhi Arahan Penetapan Harga Bermusim (PHB)  
dan memaparkan harga dengan jelas**

Tarikh: 01 Jun 2021

1. Sebelas peniaga daging kerbau dan lembu di Pasar Gadong telah diberikan surat amaran kerana menjual isi daging kerbau dan lembu melebihi harga maksimum yang ditetapkan di bawah Arahan Penetapan Harga Bermusim (PHB).
2. Semasa pemeriksaan yang dijalankan pada 11 Mei 2021, Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna (JPHEP), Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) juga mendapati tanda harga yang dipamerkan oleh peniaga tidak selaras dengan Perintah Paparan Tanda Harga. Notis amaran telah pun dikeluarkan dan kesalahan seterusnya akan dikenakan kompaun tidak melebihi \$500.
3. Harga-harga yang ditawarkan adalah di antara \$15.00 hingga \$17.00 sekilo iaitu melebihi harga maksimum \$13.00 sekilo yang ditetapkan di bawah Arahan PHB. Dalam usaha untuk mengelak Arahan PHB, peniaga didapati menawarkan potongan daging berkualiti rendah dengan harga \$13.00 sekilo. Paparan tanda harga juga tidak lengkap, digantung di atas paras mata dengan cetakan kecil. Surat amaran telah dikeluarkan untuk tidak mematuhi Arahan PHB.
4. Semasa pemeriksaan dijalankan sebelum ini, peniaga-peniaga di Pasar Gadong berkenaan telah didapati sama ada tidak mempamerkan tanda harga atau mempamerkan tanda harga yang berlainan daripada harga yang ditawarkan kepada pengguna, dengan menggunakan 'harga sebelum covid' sebagai alasan bagi perubahan harga. Para peniaga adalah diingatkan untuk memastikan paparan tanda adalah teratur dengan menyatakan jenis dan bahagian daging yang dijual, serta memberikan harga sebenar yang ditawarkan pada hari berkenaan; bagi memastikan peniaga-peniaga sentiasa menjalankan perniagaan secara beretika dan kepentingan pengguna sentiasa terpelihara.
5. Beberapa alasan telah diberikan oleh peniaga atas kegagalan dalam mempamerkan harga seperti perubahan kos yang kerap, bagi mengelakkan ketidakpuasan hati pengguna kerana kenaikan harga dan untuk mengelakkan kemarahan daripada peniaga lain kerana menawarkan harga yang lebih kompetitif. Alasan-alasan ini tidak dapat diterima kerana setiap pengguna berhak untuk mendapatkan maklumat asas bagi membuat perbandingan barangan dan harga sebelum membuat keputusan pembelian.
6. Orang ramai disarankan untuk menggunakan ciri berkaitan harga barang keperluan di dalam aplikasi PenggunaBijak dan laman sesawang rasmi JPHEP, sebagai rujukan harga yang ditawarkan di pasaran. Harga barangan yang dipantau oleh JPES dikemaskini setiap minggu.

Manakala, ciri 'Perbandingan Harga' menyediakan maklumat harga bagi barangan isi rumah yang terpilih, yang diberikan secara sukarela oleh gedung pasaraya dan kedai runcit.

7. JPHEP ingin mengingatkan para peniaga mengenai kepentingan memaparkan tanda harga untuk meningkatkan ketelusan harga dalam membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian yang bermaklumat. Ketidakpatuhan ke atas Perintah Paparan Tanda Harga boleh dikenakan denda maksimum sebanyak \$20,000 dan 5 tahun penjara.
8. Orang ramai boleh berhubung terus dengan JPHEP jika terdapat sebarang isu mengenai Arahan PHB melalui Talian Darussalam 123, aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau melalui e-mel kepada [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn) / [consumercomplaint@jpes.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpes.gov.bn).

\*\*\*\*\*

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi